



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## KEMUNCULAN PANDEMIK: ISU KESIHATAN AWAM ATAU SEKURITI?

*PANDEMIC EMERGENCE: PUBLIC HEALTH OR SECURITY ISSUES?*

Nor Anita Abdullah<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Malaysia  
Email: noranita@uum.edu.my

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 09.11.2020

Revised date: 15.11.2020

Accepted date: 10.12.2020

Published date: 10.03.2021

**To cite this document:**

Abdullah, N. A. (2021). Kemunculan Penyakit Berjangkit: Isu Kesihatan Awam atau Sekuriti?. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 120-129.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.6220011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Pandemik *coronavirus novel* (SARS-CoV-2) tersebar luas melalui penularan jangkitan dari manusia ke manusia dan muncul sebagai satu isu kesihatan awam dan global sehingga menjadi serius disebabkan oleh kadar morbiditi dan kematian yang tinggi. Artikel ini bertujuan untuk melihat aspek pandemik sebagai bukan sahaja melibatkan isu kesihatan awam sebagai yang diketahui umum, tetapi turut menjadi ancaman terhadap isu sekuriti dalam sesebuah negara. Kajian penulisan menggunakan kaedah doktrin. Hasil perbincangan dan analisa, artikel ini mendapat bahawa kemunculan pandemik yang berlaku berskala besar sehingga mencetuskan ancaman, panik dan takut boleh menyebabkan isu kesihatan awam dan sekuriti perlu diberi perhatian.

**Kata Kunci:**

Pandemik, Kesihatan Awam, Sekuriti, Jenayah dan Penyakit Berjangkit

**Abstract:**

The novel coronavirus pandemic (SARS-CoV-2) has spread from human transmission and emerged as a public and global health issue that becomes serious due to high morbidity and mortality rates. This article aims to see that the aspect of a pandemic is not only involving public health issues as known but also a threat to a security issues in a country. The study of writing applies doctrinal methods. As a result of discussions and analysis, this article found that the emergence of pandemics occur on a large scale has trigger threats, panic, and fear that can cause public health and security issues to be addressed.

**Keywords:**

Pandemic, Public Health, Security, Crime and Infectious Diseases

## **Pengenalan**

Pandemik *coronavirus novel* (SARS-CoV-2) yang lebih dikenali sebagai COVID-19 sebagai virus tersebar luas melalui penularan jangkitan dari manusia ke manusia telah muncul sebagai satu isu kesihatan awam dan global sehingga menjadi serius disebabkan oleh kadar morbiditi dan kematian yang tinggi. Pandemik ini menyebabkan penyakit dan kematian berskala besar dalam jangka masa yang singkat diperingkat global (Rezabakhsh et al., 2020). Akibat daripada kesan yang wujud daripada pandemik ini, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) bukan sahaja menyatakan bahawa isu pandemik ini sebagai masalah kesihatan awam, tetapi lebih cenderung juga sebagai ancaman terhadap sekuriti negara (Enemark, 2009) dan turut menjadi masalah global. Pandemik COVID-19 tahun 2020 telah memberi kesan kepada dunia dengan cara yang tidak pernah dibayangkan. Disebabkan itu juga WHO menyatakan bahawa COVID-19 sebagai wabak atau pandemik global di mana di peringkat awal penularan COVID-19, lebih 80,000 kes yang telah dilaporkan dari seluruh dunia Cucinotta, D., & Vanelli, M. (2020).

## **Metodologi**

Metodologi yang digunakan adalah kaedah doktrin atau juga dikenali sebagai pendekatan kepustakaan di mana data dikumpulkan dan di analisa berdasarkan sumber primer dan sekunder yang diperoleh.

## **Ulasan Karya**

Dalam bahagian ulasan karya ini di bahagikan kepada beberapa perkara penting yang akan dibincangkan melibatkan aspek kesihatan awam dan sekuriti dalam pandemik. Kedua-dua aspek ini juga akan meliputi perbincangan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan aspek perundangan dalam kedua-dua konteks tersebut.

## **Pandemik**

Setiap jenis penyakit yang wujud mampu mencetuskan epidemik sekiranya ia merebak serta menjangkiti orang ramai dalam sesuatu komuniti atau populasi. Sekiranya penyakit tersebut menular dan merebak menjadi jangkitan kepada manusia lain di dunia sehingga merentasi sempadan (Verikios et al., 2016), maka ia dikenali sebagai pandemik. Pandemik ialah penyebaran penyakit berjangkit yang terjadi di seluruh dunia dan ia boleh merebak dari satu tempat ke satu tempat yang lain (Haugen & Musa, 2007). Ia juga diakibatkan oleh penularan secara besar-besaran yang melibatkan jangkitan dari kalangan manusia ke manusia lain.

Definisi pandemik diperingkat antarabangsa merujuk kepada Kamus Epidemiologi digambarkan sebagai ‘wabak yang berlaku di seluruh dunia atau melibatkan kawasan yang luas sehingga merentasi sempadan antarabangsa dan mempengaruhi kehidupan sejumlah besar manusia melalui penularannya. Terdapat beberapa ciri utama pandemik sehingga menyukarkan pihak-pihak yang berkaitan untuk mendefinisikannya dalam kebanyakan teks perubatan. Di antara ciri-ciri utama pandemik ialah geografi, pergerakan penyakit, penyakit baru, kesan yang sangat tinggi, tahap kekebalan manusia terhadap jangkitan sangat minimum dan berlaku penularan yang cepat (Qiu et al., 2017). Disebabkan itu pandemik bukan hanya

melibatkan isu kesihatan lagi tetapi turut memberi kesan kepada masalah sosial, masalah pembangunan dan masalah sekuriti (Castillo-Chavez et al., 2015).

### **Sekuriti**

Menurut Amundrud (2017), sekuriti menekankan aspek risiko terhadap keselamatan di mana situasi yang melibatkan kemungkinan berlakunya kejadian yang berunsur jahat sama ada terhadap aset atau fizikal yang menjadi ancaman kepada seseorang.

Manakala, dari aspek perundangan, Bahagian XI Perlembagaan Persekutuan (Perkara 149 – Perkara 151) memperuntukkan mengenai kuasa khas menentang perbuatan subversif, keganasan terancang (rujuk Perkara 149(1) (a) yang menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu serta perbuatan dan jenayah yang memudaratkan orang awam dan kuasa darurat. Dalam Perkara 149(1)(f) Perlembagaan Persekutuan juga ada menyebut bahawa ‘yang mendatangkan mudarat ketenteraman awam atau keselamatan, dalam Persekutuan atau manama bahagiannya’. Secara umumnya, keseluruhan peruntukan ini selaras dengan ciri-ciri keselamatan masyarakat yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan demi memberi kesejahteraan dan keamanan berterusan. Peruntukan ini memberikan kuasa kepada kerajaan untuk mencegah perbuatan subversif, keganasan terancang dan jenayah yang memudaratkan awam. Bahagian ini merupakan tunjang utama kepada lain-lain undang-undang keselamatan negara yang sedia ada seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (AKDN) (sebelum pengisytiharan pemansuhan AKDN di buat oleh Mantan Perdana Menteri, Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak dan dimansuhkan pada 31 Julai 2012 dan diganti dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Akta 747) atau dikenali sebagai SOSMA 2012 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 April, 2012, diberikan perkenan Diraja pada 18 Jun 2012, dan diwartakan pada 22 Jun 2012 (Dhanapal & Sabaruddin, 2015 dan Lateh et al., 2019). Pada masa itu, AKDN merupakan satu akta utama yang digubal bertujuan menjaga kepentingan sekuriti negara mempunyai peruntukan bagi sekuriti dalam Malaysia, tahanan pencegahan, pencegahan subversif, penghapusan keganasan terancang terhadap orang dan harta di dalam kawasan tertentu di Malaysia dan apa-apa perkara lain yang bersangkutan dengannya.

SOSMA 2012 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas dalam menangani kesalahan keselamatan dan bertujuan untuk memansuhkan AKDN dan pada masa yang sama menyedari risiko yang serius kepada keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam yang ditimbulkan oleh ancaman keganasan, sabotaj dan pengintipan. Oleh itu Akta ini juga dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Menurut SOSMA 2012 dalam Jadual Pertama dinyatakan bahawa kesalahan yang melibatkan keselamatan merujuk kepada peruntukan yang terdapat dalam Kanun Keseksyen (Akta 574) di Bab VI (Kesalahan terhadap negara), VIa (Kesalahan Berkaitan Keganasan) dan VIb (Jenayah Terancang) (rujuk Kanun Keseksyen).

### **Kesihatan Awam**

Dari aspek kesihatan awam, umum mengetahui bahawa Malaysia pernah mengalami peristiwa kemunculan pelbagai jenis penyakit berjangkit. Di antara penularan penyakit berjangkit ialah virus Nipah, *Severe Acute Respiratory System* (SARS), *Japanese Enchepilitis* (JE), H1N1, H5N1 dan yang terkini COVID-19. Walau asalnya adalah sejenis penyakit yang hanya berjangkit, tetapi penularan jangkitannya berpotensi menjadikan kemunculannya sebagai satu

pandemik yang turut mencetuskan ancaman kepada masyarakat di Malaysia. Tetapi, ia bukanlah satu isu yang berkaitan dengan isu perperangan. Malah, ia tidak pernah digunakan oleh mana-mana pihak setakat ini untuk sebarang tujuan pengganasan. Sebaliknya, kemunculan penyakit ini lebih merupakan serangan jangkitan penyakit akibat penularan virus yang dikenali sebagai virus Kemunculan penyakit berjangkit seperti ini menyebabkan masyarakat menjadi panik apabila keadaan menjadi serius (Vellingiri et al., 2020). Ini menimbulkan masalah besar kepada masyarakat. Majoriti mangsa yang dijangkiti melalui jenis-jenis penyakit yang tercetus sebelum ini seperti virus Nipah dan mempunyai hubungan secara langsung dengan perusahaan ternakan babi termasuklah penternak, suri rumah dan keluarga mereka (Lam, 2003).

### **Aspek Perundangan Dalam Hal Sekuriti**

Apa-apa keadaan yang berpotensi memberikan ancaman kepada negara di anggap sebagai mengancam sistem sekuriti negara dan sebarang tindakan yang dirasakan perlu demi melindungi kepentingan serta keselamatan dalam negara akan di ambil.

### **Sekuriti Aktiviti Perdagangan Strategik**

Jika dilihat dari aspek sekuriti yang melibatkan kawalan maritim dan perdagangan Antarabangsa, Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708) (APS) berperanan untuk mengekang kecambahan senjata pemusnah besar-besaran yang mungkin melibatkan aktiviti perdagangan di Malaysia di mana ia berfungsi dalam mengawal aktiviti eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik. Menurut APS, aktiviti tersebut dibahagikan kepada Bahan, Fasiliti Dan Peralatan Nuklear, Bahan, Bahan Kimia, ‘Mikroorganisma’ Dan ‘Toksin’, Pemprosesan Bahan, Elektronik, Komputer, Telekomunikasi Dan ‘Keselamatan Maklumat’ , Sensor dan Laser, Navigasi Dan Avionik, Marin dan Aeroangkasa Dan Perejangan. Barang yang tersenarai dalam kategori ini merupakan barang kawalan di bawah rejim kawalan eksport antarabangsa seperti *Nuclear Supplier Group* (NSG), *Wassenaar Arrangement* (WA), *Missile Technology Control Regime* (MTCR), *Australia Group* (AG) dan *Chemical Weapon Convention* (CWC). Salah satu bahan yang berpotensi untuk menjadi bahan perdagangan mengikut Kategori 1 ialah ‘agen biologi’ yang ditafsirkan melalui peruntukan Seksyen 2 APS sebagai ‘...apa-apa mikrobial, organisma mikro, virus atau bahan berjangkit yang diterbitkan daripadanya secara semula jadi atau buatan, serta komponennya dan walau apa juga pun asalnya atau kaedah penghasilannya’.

### **Aspek Sekuriti dalam Perundangan Jenayah**

#### **Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Kanun Keseksaan (KK) diguna pakai oleh Persekutuan Tanah Melayu setelah penubuhannya dikenali dengan *Penal Code (Amendment and Extended Application) Ordinance 1948* (No.32) (Mohamed Nazri & Mohd. Yusof, 2007) dan telah diperluaskan pemakaianya di seluruh Malaysia pada 31 Mac 1976 termasuk Sabah dan Sarawak di mana sebelum Sabah dan Sarawak menganggotai Malaysia pada 16 September 1963, pada masa berkenaan dikenali dengan Kanun Keseksaan (Sabah) dan Kanun Keseksaan (Sarawak). Setelah melalui beberapa proses semakan semula dan sorotan daripada semakan tersebut, satu edisi semakan dikenali sebagai Kanun Keseksaan (Akta 574) digunakan bermula dari 7 Ogos 1997 sehingga sekarang. KK melalui beberapa siri pindaan dan pemansuhan semasa proses semakan tersebut. Di antaranya, beberapa peruntukan kesalahan baru yang tidak dinyatakan sebagai kesalahan dalam KK sebelum ini telah dimasukkan ke dalam KK untuk diseragamkan dan disesuaikan

mengikut arus perubahan persekitaran dan hal ehwal masyarakat (Suhor, 2007). Begitu juga dengan hukuman yang hendak dilaksanakan bersetujuan dan selari dengan peredaran masa (Mohamed Nazri & Mohd. Yusof, 2007).

KK merupakan suatu Akta berkenaan dengan kesalahan-kesalahan jenayah. Oleh yang demikian, semua kesalahan jenayah yang termaktub di dalam KK adalah dikanunkan. Ini membuktikan dengan jelas bahawa sebarang bentuk kesalahan yang di lakukan oleh mana-mana individu atau perkumpulan, sekiranya wujud dalam bentuk bertulis yang dinyatakan dalam Kanun dan memperuntukkan bahawa kesalahan itu adalah jenayah, maka ia adalah satu kesalahan jenayah dan boleh disabitkan hukuman. Namun, sekiranya tiada peruntukan mengenai apa-apa kesalahan tersebut atau dinyatakan sebaliknya, maka perlakuan itu tidak di anggap sebagai suatu kesalahan jenayah.

**Jadual 1: Kesalahan Yang Melibatkan Ancaman Sekuriti Dalam Kanun Keseksaan  
(Akta 574)**

BIL	KESALAHAN	SEKSYEN
1	Terhadap Negara	(Seksyen 121 – 130A)
2	Berkenaan dengan Keganasan	(Seksyen 130B – 130T)
3	Terhadap Ketenteraman Awam	(Seksyen 141 – 160)
4	Kesihatan, Keselamatan, Kemudahan, Kesopanan dan Akhlak Awam	(Seksyen 268 – 294)

Sumber: Kanun Keseksaan (Akta 574)

Berdasarkan jadual di atas, kesalahan yang dinyatakan tersebut jika dilakukan, bukan sahaja menjadi kesalahan jenayah, malah turut memberi ancaman sekuriti terutamanya apabila ia melibatkan ancaman kepada negara seperti cubaan perang terhadap Yang dipertuan Agung, anggota Parlimen, Menteri dan sebagainya, memulakan keganasan menggunakan apa-apa senjata yang di anggap berbahaya atau menyokong aktiviti keganasan, melakukan apa-apa perbuatan yang mendatangkan mudarat kepada masyarakat awam yang melibatkan kesalahan dalam aspek kesihatan dan keselamatan.

KK hanya mengawal kesalahan-kesalahan jenayah sepertimana yang termaktub di dalam aktanya sahaja. Sekiranya tiada peruntukan mengenai mana-mana kesalahan lain selain daripada yang telah diperuntukkan, maka ia bukan kesalahan jenayah mengikut KK. Berhubung dengan aspek jenayah dalam bentuk keganasan, Bab 7A bermula dari Seksyen 130B hingga Seksyen 130T diperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan.

Peristiwa yang tercusus di Amerika Syarikat pada 11 September 2001 telah menyebabkan Malaysia turut berhati-hati dengan serangan pengganas. Pada tahun 2003, KK telah dipindah bertujuan untuk memperkenalkan jenayah perbuatan keganasan sebagai persediaan untuk menangani permasalahan keganasan sekiranya tercusus di Malaysia. Tindakan pindaan yang dibuat ke atas KK bertujuan untuk menangani sebarang ancaman keganasan yang berkebarangkalian tercusus di Malaysia. Kewujudan perundangan jelas mampu membantu Malaysia mengenal pasti serta bertindak dalam melaksanakan sebarang tindakan dan

perlaksanaan undang-undang. Menurut Sidhu (2007) Kanun Keseksaan memperuntukkan satu seksyen tambahan dalam KK iaitu Seksyen 130B (2) (a):

- i. Merujuk kepada subseksyen (3) (d) di mana seksyen ini menerangkan mengenai keganasan yang wujud dalam bentuk perbuatan atau ugutan yang mewujudkan risiko yang serius kepada kesihatan atau pada keselamatan awam atau sebilangan orang awam.
- ii. Manakala dalam subseksyen (3) (g) (iii) menjelaskan bahawa tindakan pengganas juga wujud apabila pengganas menggunakan sesuatu bahan merbahaya yang “...melibatkan pembebasan (*pelepasan*) ke dalam persekitaran alam atau mana-mana bahagian persekitaran alam atau mengedar atau mendedahkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam kepada mana-mana mikrobial atau agen biologi atau toksin”.

Berdasarkan seksyen 130B (3) (g) Kanun Keseksaan, tindakan yang melibatkan sebarang bentuk yang boleh menyebabkan risiko yang serius kepada kesihatan atau pada sekuriti awam atau menggunakan bahan-bahan seperti mikrobial atau agen biologi atau toksin merupakan satu kesalahan. Sebagaimana yang telah dijelaskan, mana-mana kesalahan yang wujud secara bertulis di dalam KK merupakan satu kesalahan jenayah yang telah dikanunkan. Pindaan Seksyen 130B memberi penjelasan mengenai keganasan biologi yang merupakan aspek kesihatan awam pada dasarnya juga boleh menjadi satu kesalahan jenayah menurut Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, peruntukan ini merupakan salah satu bentuk perlindungan yang diperuntukkan dalam perundangan terhadap aspek sekuriti dalam kesihatan awam.

Di samping itu, jika dilihat dalam Jadual 1 di atas mengenai Kesalahan-kesalahan jenayah di bawah KK di atas, terdapat satu bab yang membincangkan tentang kesalahan-kesalahan mengenai kesihatan. Rujuk Bab 14 (Seksyen 268 hingga Seksyen 295), beberapa peruntukan kesalahan-kesalahan mengenai kesihatan, sekuriti, kemudahan, kesopanan dan akhlak awam. Walau bagaimanapun, daripada peruntukan-peruntukan yang ternaktub di dalam Bab 14, hanya Seksyen 268 sehingga Seksyen 278 yang membincangkan mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kesihatan dan hanya Seksyen 268 memperuntukkan mengenai mudarat awam;

- (1) ‘seseorang adalah melakukan mudarat awam, jika ia melakukan apa-apa perbuatan, atau melakukan suatu ketinggalan yang menyalahi undang-undang, yang menyebabkan apa-apa bencana, bahaya atau kegusaran am kepada awam, atau kepada orang-orang amnya yang tinggal atau menduduki harta dalam kawasan yang berhampiran atau yang semestinya menyebabkan bencana, galangan, bahaya atau kegusaran kepada orang-orang yang mungkin menggunakan apa-apa hak awam.
- (2) Sesuatu mudarat am tidaklah di maafkan atas alasan yang ia menyebabkan sesuatu kemudahan atau manfaat’.

Seksyen 269 pula memperuntukkan bahawa perbuatan cuai yang mungkin merebakkan jangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa iaitu;

‘barangsiapa yang menyalahi undang-undang atau dengan cuainya melakukan apa-apa perbuatan yang mungkin, dan yang ia ketahui atau ada sebab mempercayai sebagai mungkin, merebakkan jangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa, hendaklah diseksa dengan penjara

selama tempoh yang boleh sampai enam bulan, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya’.

Seksyen 270 memperuntukkan bahawa perbuatan jahat yang mungkin merebakkan jangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa iaitu;

‘barang siapa dengan jahatnya yang melakukan apa-apa perbuatan yang mungkin, dan yang ia ketahui atau ada sebab mempercayai sebagai mungkin, merebakkan jangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya’

Seksyen 271 memperuntukkan mengenai mengingkari aturan kuarantin iaitu;

‘barang siapa dengan mengetahuinya mengingkarinya sesuatu aturan yang dibuat dan diisytiharkan dengan sah di sisi undang-undang bagi meletakkan apa-apa perahan dalam keadaan kuarantin, atau bagi mengaturkan perhubungan antara perahan-perahan yang ada dalam keadaan kuarantin dengan pantai atau dengan perahan-perahan lain, atau bagi mengaturkan perhubungan antara tempat-tempat lain, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai enam bulan, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya’

### **Analisis dan Perbincangan**

Pendekatan paradigma baru terhadap konsep sekuriti juga menjelaskan bahawa manusia perlu diberi perlindungan terhadap apa juga keadaan dan bentuk ancaman di mana pandemik yang tercetus juga menimbulkan ancaman. Sebenarnya, ancaman terhadap sekuriti wujud dalam pelbagai bentuk. Setiap bentuk atau jenis ancaman memerlukan situasi atau keadaan yang berbeza termasuklah ancaman yang disebabkan oleh pandemik. Agak sukar untuk menyatakan isu sekuriti juga termasuk dengan aspek kesihatan awam kerana ia berpunca dari penyakit berjangkit dan kesannya hanya boleh dilihat dari aspek kesihatan sahaja. Walaubagaimanapun, menjadikan isu penyakit pandemik ini sebagai isu jenayah sekaligus merangkumi aspek sekuriti negara akan menjadikan masalah yang melibatkan pandemik akan menjadi lebih terurus dan teratur. Disebabkan itu juga, pemahaman terhadap pandemik yang melibatkan isu kesihatan sahaja turut memberi pendekatan paradigma baru terhadap konsep sekuriti apabila ia melibatkan unsur ancaman terhadap manusia dan perlu diberi perlindungan (Koenig, 2019). Situasi ini boleh digambarkan melalui kemunculan SARS yang tercetus dalam 2003 dimana isu kesihatan yang muncul pada ketika itu memberi iktibar kepada negara supaya bersiap sedia dan berwaspada dan perlu mempunyai perancangan dan persediaan awal bagi menghadapi sebarang kemungkinan munculnya ancaman penyakit berjangkit.

Penyebaran SARS boleh dijadikan sebagai kayu ukur untuk menguji tahap keupayaan sesebuah negara dalam menghadapi ancaman penyakit berjangkit yang bukan sahaja memberi risiko ancaman terhadap kesihatan awam, juga terhadap sekuriti negara. Sebelum kemunculan pandemik COVID-19, SARS, virus Nipah, selesema burung, JE dan H1N1 terlebih dahulu pernah mencetuskan fenomena ancaman penyakit berjangkit di Malaysia. Penyakit berjangkit yang muncul secara semula jadi boleh di salahgunakan pihak yang mempunyai kepentingan untuk menimbulkan suasana huru-hara dan ancaman kepada masyarakat dan sesebuah negara selain daripada impak pandemik itu sendiri yang sememangnya bersifat mengancam akibat penularan jangkitannya. Negara yang rakyatnya di landa penyakit di anggap mempunyai

pertahanan yang lemah kerana sebahagian besar sumber pertahanannya turut mengalami kesan daripada pandemik yang melanda.

Manakala dari aspek perundangan pula, berdasarkan peruntukan yang dinyatakan dalam KK, di mana Seksyen 268 yang memperuntukkan bahawa seseorang yang melakukan kemudarat terhadap orang awam sekiranya menimbulkan bahaya, bencana dan kegusaran akan menjadi satu kesalahan yang tidak boleh dimaafkan. Biologi yang wujud mampu menimbulkan mudarat kepada orang awam, malah boleh mencetuskan bencana, bahaya dan juga kegusaran di kalangan masyarakat (Abdullah, 2020). Walau bagaimanapun, tiada maksud jelas mengenai peruntukan Seksyen 268 mengenai jenis bahaya, bencana dan kegusaran yang mendatangkan mudarat awam dengan serangan akibat biologi. Manakala Seksyen 269 menjelaskan dengan agak terperinci mengenai rebakan jangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa. Tidak dapat dinafikan bahawa akibat dari serangan biologi, masyarakat awam akan terdedah kepada pelbagai jenis jangkitan penyakit berbahaya. Jika dilihat dari sudut ini, seksyen 269 boleh dikatakan memperuntukkan kesalahan jenayah terhadap mana-mana orang yang secara menyebabkan jangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa manusia. Namun, mereka yang melakukan perbuatan yang mengakibatkan rebakkan jangkitan penyakit berbahaya akan disabitkan dengan kesalahan jenayah sekiranya mereka melakukan kesalahan ini melalui perbuatan cuai. Perbuatan cuai dianggap sebagai satu perbuatan yang dilakukan secara tidak sengaja. Manakala, perbuatan atau tindakan keganasan yang dilakukan lebih menjurus ke arah melakukan sesuatu dengan niat. Kaedah serangan biologi dengan niat untuk menyebarkan virus jangkitan penyakit kepada sasaran mereka (Imara et al., 2020). Akibat daripada itu, penyakit yang berhasil mampu merebak serta berjangkit sehingga mampu menjelaskan tahap kesihatan masyarakat awam dan populasi masyarakat. Selain daripada itu, hukuman yang terkandung dalam Seksyen 269 hanyalah sekadar diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai enam bulan atau dengan denda atau dengan kedua-duanya sekali. Jelas sekali, jika perbuatan keganasan berunsur biologi yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan mudarat kepada orang awam, hukuman itu dianggap sebagai tidak setimpal sama sekali.

Seksyen 270 pula memperuntukkan perbuatan jenayah (jahat) yang mungkin merebakkan jangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa. Seksyen ini dilihat agak jelas dalam memberikan peruntukan kesalahan terhadap serangan biologi. Perbuatan jahat yang dilakukan lebih memberi penekanan terhadap perbuatan boleh merebakkan jangkitan apa-apa penyakit berbahaya kepada nyawa dilakukan secara berniat. Seksyen ini juga boleh dianggap sebagai satu peruntukan yang dilihat mampu memberi perlindungan terhadap mana-mana orang yang bertindak menggunakan kaedah serangan biologi terhadap orang lain.

Malahan, secara tidak langsung mampu memberikan perlindungan terhadap kesihatan awam memandangkan mana-mana orang yang disabit kesalahan akan dihukum sekiranya disyaki melakukan perbuatan jahat yang berkemungkinan menyebabkan rebakan penyakit berbahaya kepada nyawa. Peruntukan ini mampu menghalang penjenayah tersebut dari terus bertindak dan seterusnya mampu menghalang rebakkan jangkitan penyakit berbahaya. Walau bagaimanapun, hukuman yang termaktub di dalam seksyen ini dilihat tidak setimpal dengan tujuan sebenar penjenayah yang melakukan perbuatan jahat yang mungkin merebakkan jangkitan penyakit berbahaya kepada nyawa. Hukuman yang dikenakan adalah penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda atau dengan kedua-duanya sekali. Hukuman ini jelas membuktikan bahawa perbuatan jahat yang dilakukan tidak setimpal dengan

keganasan dalam biologi yang boleh mengakibatkan maut kepada seseorang. Manakala seksyen-seksyen lain iaitu Seksyen 272 hingga Seksyen 278 juga membincangkan mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan dengan kesihatan tetapi tidak mempunyai kaitan dengan tujuan kajian. Kesalahan-kesalahan tersebut lebih cenderung kepada masalah yang menjelaskan kesihatan yang berkaitan dengan makanan dan minuman, penggunaan dadah dalam bentuk campuran, penjagaan kolam air dan atmosfera.

### **Kesimpulan**

Pandemik tidak mengenal batas geografi dan sempadan. Ia muncul secara tiba-tiba dan boleh merebak di mana-mana sahaja tanpa disedari. Ia juga boleh disalah gunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, semua negara di dunia termasuk Malaysia perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kemunculan pandemik dalam memberi perlindungan terhadap isu kesihatan awam dan juga sekuriti demi kemaslahatan masyarakat Malaysia secara keseluruhan.

### **Rujukan**

- Abdullah, N. A. (2020). Kepelbagaiannya Definisi dan Penggunaan Senjata Menurut Perspektif Undang-undang Di Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 10(1), 161-184.
- Amundrud, Ø., Aven, T., & Flage, R. (2017). How the definition of security risk can be made compatible with safety definitions. *Proceedings of the Institution of Mechanical Engineers, Part O: Journal of Risk and Reliability*, 231(3), 286-294.
- Castillo-Chavez, C., Curtiss, R., Daszak, P., Levin, S. A., Patterson-Lomba, O., Perrings, C., ... & Towers, S. (2015). Beyond Ebola: Lessons to mitigate future pandemics. *The Lancet Global Health*, 3(7), e354-e355.
- Cucinotta, D., & Vanelli, M. (2020). WHO declares COVID-19 a pandemic? *Acta bio-medica: Atenei Parmensis*, 91(1), 157-160.
- Dhanapal, S., & Sabaruddin, J. S. (2015). Rule of law: An initial analysis of security offences (Special measures) Act (SOSMA) 2012. *IIUM Law Journal*, 23(1).
- Enemark, C. (2009). Is Pandemic Flu a Security Threat?, *Survival*, 51:1, 191-214, DOI: 10.1080/00396330902749798
- Haugen, D & Musser, S. (2007). (eds). *At Issue: Pandemics*. Greenhaven Press. USA.
- Imara, F. A., Aritonang, S., & Pane, M. (2020). Analisis Upaya Strategis Menghadapi Ancaman Antrakts Sebagai Senjata Biologi. *Industri Pertahanan*, 1(2).
- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Koenig, E. (2019). Redefining national security using the case of antimicrobial resistance: a literature review. *The Lancet Global Health*, 7, S43.
- Lateh, H. M., Embong, R., Hadi, M. F., Abd Nasir, M. I., & Zain, A. D. M. (2019). The Legislation of Security Offences (Special Measures) 2012 for Terrorism Prevention in Malaysia. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22, 1-6.Lam Sai Kit, 'Nipah virus – a potential agent of bioterrorism?', (2003), *Antiviral Research* 57 113-119, hlm 113-114 <http://elsevier.com/locate/antiviral> (19 Jun 2009).
- Mohamed Nazeri, N. & Mohd Yusof, J.Z. (2007). Perkembangan Kanun Keseksaan di Malaysia, Farid Sufian Shuaib et al, *Siri Perkembangan Undang-undang Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Monaco, L. (2020). Pandemic Disease Is a Threat to National Security.
- Qiu, W., Rutherford, S., Mao, A., & Chu, C. (2017). The pandemic and its impacts. *Health, culture and society*, 9, 1-11.

- Rezabakhsh, A., Ala, A., & Khodaei, S. H. (2020). Novel coronavirus (COVID-19): a new emerging pandemic threat. *Journal of Research in Clinical Medicine*, 8(1), 5-5.
- Sidhu, B.S., (2007). Potential impact of the changes in the Malaysian Penal Code. *Malayan Law Journal Article*, Vol. 2 xcvii, hlm 6.
- Suhor, S. (2007) Jenayah Undang-Undang: Mengimbas perkembangan, in Che Ngah, A., Shapiee, R., Yusoff, S.S.A., Ismail, R., & Suhor, S. (ed), *Undang-Undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman*. Fakulti Undang-undang UKM. Malaysia.
- Vellingiri, B., Jayaramayya, K., Iyer, M., Narayanasamy, A., Govindasamy, V., Giridharan, B., ... & Rajagopalan, K. (2020). COVID-19: A promising cure for the global panic. *Science of The Total Environment*, 138277.
- Verikios, G., Sullivan, M., Stojanovski, P., Giesecke, J., & Woo, G. (2016). Assessing regional risks from pandemic influenza: a scenario analysis. *The World Economy*, 39(8), 1225-1255.